

SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA.

- 1.0 KONTRAKTOR sebelum memasuki tawaran ini mestilah faham dan mahir akan penetapan kerja-kerja yang dijalankan.
- 2.0 Pembayaran hanya akan dibuat selepas kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil 9 Tahun 1982.
- 3.0 Kerja ini hendaklah dimulakan dalam masa satu (1) minggu dari tarikh inden dikeluarkan atau sepertimana diarahkan Pegawai Penjaga dan hendaklah disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- 4.0 Semua kerja adalah dikehendaki siap didalam tempoh masa yang ditetapkan dalam inden/ borang dan denda RM 10.00 sehari akan dikenakan selepas masa tersebut.
- 5.0 Kegagalan kontraktor untuk memula dan menyiapkan kerja dalam masa yang ditetapkan tanpa sebab-sebab yang munasabah akan mengakibatkan inden ditarik balik dan rekod prestasi/ performance tuan akan dikemukakan kepada PKK untuk tindakan selanjutnya dan lesen PKK tuan akan disenarai hitamkan dalam jabatan ini.
- 6.0 Kontraktor dikehendaki mengambil polisi-polisi insurans, tanggungan awam dan pampasan pekerja untuk sepanjang masa kerja-kerja sebutbarga ini dijalankan. Polisi-polisi ini mestilah disampaikan kepada Wakil Pegawai Penguasa atau Jurutera Daerah sebelum kerja dimulakan.
- 7.0 Semua kerja mestilah mengikut pelan dan spesifikasi am Jabatan Pengairan Dan Saliran dan juga tertakluk kepada syarat-syarat seperti dalam P.W.D FORM 203 A(REV.10/83).
- 8.0 Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebutbarga yang paling rendah atau sebarang sebutbarga dan berhak menerima sebutbarga sepenuhnya atau sebahagian sahaja.
- 9.0 Borang sebutbarga ini mestilah dipenuhi dengan sempurna dan teliti, jika tidak ianya tidak akan dipertimbangkan. Segala penjelasan dan penerangan lanjut boleh didapati semasa waktu pejabat di pejabat Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Seberang Perai Utara. Kepala Batas.
- 10.0 Kuantiti yang tersebut adalah sebahagian panduan sahaja dan jabatan ini tidak menjamin ketetapannya.
- 11.0 Semua kerja yang dijalankan perlu mematuhi kehendak EMS MS 14001 iaitu kuantiti minima alam sekitar serta mengikut arahan Pegawai Penjaga.
- 12.0 Tempoh sah sebutbarga ini adalah selama 6 bulan dari tarikh tutup sebutbarga.

SPESIFIKASI

BAHAGIAN 1-AM

1. Keseluruhan kerja-kerja yang dinyatakan dalam dokumen Sebutharga yang ditunjukkan diatas Meja Sebutharga (kemudian ini disebut “Dokumen Meja Sebutharga”) jika perlu akan diberi secara kontrak yang formal.
2. (a) Tiap-tiap penyebutharga mestilah menyerahkan , dalam suatu sampul surat bertutup dan bermeteri yang ditetapkan dalam Notis Sebutharga, suatu sebutharga yang sah dalam boring Sebutharga yang diperuntukan, bersama dengan salinan Ringkasan Sebutharga yang diisi dan ditandatangani dengan sempurna, Borang Sebutharga yang tidak lengkap atau tak bertandatangan akan ditolak.

(b) Penyebutharga hendaklah meletakkan harga dalam Ringkasan Sebutharga yang hendak diisi dengan dakwat dan ditandatangani dengan sempurna oleh penyebutharga. Kadar harga dan harga dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah diteliti dan diselaraskan (jika perlu) oleh Pegawai Penguasa tentang kemunasabahnya tetapi Jumlah wang Sebutharga hendaklah tetap tak berubah.
3. Jika mana-mana penyebutharga:
 - (a) menarik balik sebutharganya sebelum tamat Tempoh Sah Sebutharga atau apa-apa tempoh lanjutan.
 - (b) Mengenakan had, syarat atau janji tambahan selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan sebutharga (dan dalam hal yang demikian ianya hendaklah disifatkan sebagai penarikan balik sebutharga ini) atau
 - (c) Jika sekiranya sebutharga telah disetujuterima, penyebutharga enggan dan tidak melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal atau men deposit Bon Perlakasanaan atau tidak meneruskan kerja-kerja:

maka, dalam mana-mana hal itu, Kerajaan hendaklah ,tanpa menyentuh apa-apa hak lain yang ada padanya , sentiasa berhak mengambil tindakan tatatertib terhadap yang bertandatangan atau membatalkan pendaftaran penyebutharga sebagai kontraktor Kerajaan, sebagai difikirkan perlu oleh Kerajaan.
4. Tiada apa-apa perubahan atau tambahan yang dibenarkan boleh dibuat kepada Borang Sebutharga atau mana-mana Dokumen Sebutharga yang lain.
5. (a) Sebutharga-sebutharga dan Dokumen-dokumen berhubung dengannya yang dinyatakan dalam klausa 2 diatas , mestilah diserahkan ditempat dan pada atau sebelum masa yang ditetapkan dalam Nois Sebutharga bagi penyerahan Sebutharga.

(b) Jika sesuatu Sebutharga tidak diserahkan dengan tangan, penyebutharga mestilah menguruskan bagi sebutharga dan dokumen-dokumennya yang lain dihantar dengan pos supaya sempat sampai ditempat yang ditetapkan tidak lewat dari masa yang ditetapkan.
(c) Mana-mana Sebutharga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari apa jua sebab, tidak akan dipertimbangkan.

(d) Tiada apa-apa jua perbelanjaan yang ditanggung oleh penyebutharga bagi menyediakan sebutharganya boleh dibayar kepadanya.

6. Jika sekiranya atas permintaanya, seseorang penyebutharga diberi salinan-salinan sesuatu Dokumen Sebutharga, maka adalah menjadi tanggungjawabnya seorang diri untuk meneliti salinan-salinan itu dan memuaskan hatinya bahawa salinan-salinan itu adalah salinan-salinan dokumen yang termasuk dalam Dokumen Meja Sebutharga. Jika terdapat apa-apa perbezaan atau percanggahan antara mana-mana salinan yang diberikan kepada penyebutharga dengan salinan dalam Dokumen Meja Sebutharga atau mana-mana dokumen yang termasuk didalamnya, maka adalah menjadi tanggungjawab seorang diri untuk memohon secara bertulis kepada Pegawai Penguasa supaya diperbetulkan perbezaan atau percanggahan itu tidak lewat tiga (3) sebelum tarikh akhir yang ditetapkan dalam Notis Sebutharga bagi penyerahan sebutharga. Apa-apa jawapan yang hendak dibuat oleh Pegawai Penguasa atas permohonan itu hendaklah dibuat dengan cara Memorandum Sebutharga yang hendaklah dihantar kepada semua penyebut harga. Memorandum Sebutharga itu hendaklah menjadi sebahagian daripada Dokumen Sebutharga dan sebutharga itu hendaklah menjadi sebahagian daripada Dokumen Sebutharga dan sebutharga yang diterima akan di sifatkan sebagai berdasarkan huraian, ubahsuaian atau perluasan kepada dokumen asal yang mengandungnya.
7. Penyebutharga hendaklah disifatkan telah melawat, memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya dan telah berpuashati sebelum menyerahkan sebutharganya tentang jenis bumi dan lapisan tanah, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang diperlu bagi menyiapkan kerja-kerja, cara-cara perhubungan dengan dan akses ke tapak bina, tempat tinggal yang mungkin di kehendaki dan pada amnya hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangka dan segala hal keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebutharganya.
8. Sebutharga-sebutharga hanya sah selama tempoh Enam Puluh (60) hari dari tarikh akhir penyerahan sebutharga sebagaimana yang ditetapkan dalam Notis Sebutharga (dalam syarat-syarat membuat sebutharga) dan tempoh ini boleh dengan persetujuan bersama dilanjutkan jika dan apabila perlu.
9. Kerajaan tidak boleh terikat menyetujui terima sebutharga yang rendah sekali atau sesuatu sebutharga, dan juga tidak terikat untuk memberi apa-apa sebab atas penolakan sesuatu sebutharga.
10. Penyebutharga yang berjaya (jika ada) hendaklah diberitahu tentang sebutharganya dengan surat (disebut "Surat Setujuterima Sebutharga") dalam tempoh Sah sebutharga atau apa-apa tempoh lanjutan. Penyebutharga hendaklah dengan kadar segera yang praktikal sebelum memulakan kerja mengemukakan kepada Pegawai Penguasa, perkara-perkara berikut
 - a) Bon Perlaksanaan sebanyak 5% daripada jumlah harga sebutharga bagi sebutharga kerja yang bernilai melebihi RM 200,000.00. Kontraktor dibenarkan membuat pilihan untuk mengemukakan Jaminan Bank atau Jaminan Insurans atau Jaminan dari Institusi Kewangan yang sah.
 - b) Polisi Tanggungan Awam atau Nota Liputan (cover note) bersama resit (iaitu insuran terhadap bencana kepada orang awam atau kerosakan kepada harga) seperti berikut:

| <u>Harga Sebutharga</u> | Nilai Polisi |
|-------------------------------------|---------------|
| Tidak melebihi RM 100,000.00 | RM 25,000.00 |
| RM 100,0001.00 hingga RM 200,000.00 | RM 50,000.00 |
| RM 200,001.00 hingga RM 500,000.00 | RM 100,000.00 |

- c) Nombor-nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO)
- d) Polisi Insuran Kerja atau Nota Liputan (cover note) bersama resit yang sama nilai dengan harga sebutharga.

Penyebutharga tersebut hendaklah juga dalam masa yang munasabah selepas itu mengemukakan Polisi Insurans bagi kerja-kerja tersebut dan melaksanakan perjanjian kontrak (jika diperlukan) yang formal.

- 11. Semua jadual-jadual butir-butir yang dilampirkan kepada dokumen sebutharga hendaklah diisi dan diserahkan oleh penyebutharga beserta dengan sebutharga
- 12. Perkataan-perkataan ‘penyebutharga yang berjaya’ membawa erti bahawa penyebutharga yang mana sebutharganya telah diluluskan dan disetujuterima oleh Kerajaan.
- 13. Perkataan “penyebutharga” dalam syarat-syarat hendaklah disifatkan sebagai termasuk 2 orang atau lebih.
- 14. Jika penyebutharga tidak mematuhi mana-mana syarat tersebut di atas dalam apa-apa jua hal maka sebutharganya boleh ditolak.

SPESIFIKASI

BAHAGIAN II-PENGERFSAN KQUALITI ALAM SEKITAR.

1. Faktor Harga

Penyediaan dan tawaran kerja hendaklan memenuhi kualiti pelan dan piawaian (standard) dokumen ISO 14001.

2. Kriteria Pemilihan.

Kontraktor/Pembekal yang ingin menawarkan kerja-kerja sebutharga ini perlulah menghadiri kursus/taklimat/latihan kefahaman/kesedaran pengurusan alam sekitar dan agensi/organisasi yang di iktiraf. Keutamaan tawaran kerja sebutharga jabatan ini akan diberi kepada kontraktor/pembekal yang memiliki Sijil kefahaman/kesedaran Pengurusan Alam Sekitara.

3. Perlaksanaan ISO 14001:2004

Kontraktor /Pembekal hendaklah mematuhi kehendak-kehendak piawaian MS ISO 14001 yang diamalkan oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Seberang Perai Utara serta mematuhi arahan Pegawai Penguasa (P.P) sepanjang tempoh kontrak. Kegunaan sebarang racun rumput dan membakar sisa pembersihan dilarang sama sekali kecuali yang mematuhi spesifikasi alam sekitar serta mendapat kebenaran daripada Jabatan Pertanian dan Pejabat ini.

4. Laluan dan Jalan Sementara.

Kontraktor hendaklah mengada dan menyelenggarakan semua jalan masuk sementara ke tapak kerja, pembentong, lorong, jambatan sementara dan lain-lain yang perlu untuk laluan ke kawasan dan didalam kawasan tapak kerja sepanjang mana yang diperlukan mengikut yang diluluskan oleh P.P Lokasi laluan ke tapak kerja yang akan dibuat hendaklah seperti yang ditandakan diatas pelan tapak kerja atau sepertimana yang diluluskan oleh P.P dan Kontraktor hendaklah membuat segala urusan dan mendapatkan semua kelulusan dan keizinan yang dikehendaki atas perbelanjaannya sendiri.

5. Saliran Tapak Bina.

Kontraktor hendaklah mengadakan saliran yang sepatutnya untuk air permukaan dari tapakbina termasuk air hujan dari kawasan sekeliling yang mengalir ke tapak bina.

Kontraktor hendaklah dengan perbelanjaannya sendiri, memperuntukkan , membentuk, memasang dan menyelenggarakan apa-apa pam, pelongsor, dinding, longkang, batas-batas, perangkap-perangkap Lumpur dan lain-lain kerja sementara yang perlu untuk saliran tapak bina yang sepatutnya, supaya tidak berlaku banjir atau lain-lain kerosakan atau gangguan kepada kawasan-kawasan di sekeliling kerja atau kepada kerja di sepanjang tempoh kontrak.

6. Kerosakan Kepada Jalan-Jalan Yang Sediada Dan Lain-Lain.

Kontraktor hendaklah mengatur untuk membawa bahan-bahan , loji-loji dan sebagainya supaya kerosakan kepada jalan-jalan dan pembentung-pembentung yang sediada adalah minimum. Kontraktor hendaklah bertanggungjawab diatas sebarang kerosakan yang disebabkan oleh loji-loji atau pekerja-pekerjanya keatas mana-mana jalan, pembentong dan sebagainya dan hendaklah menyenggara dan memperbaiki kerosakan-kerosakan itu mengikut sepertimana yang diluluskan oleh P.P atau sebaliknya, dia hendaklah menanggung kos penyenggaraan dan pemulihan tersebut sebagai potongan dari wang yang kena dibayar atau genap masanya dibayar kepada Kontraktor ini.

7. Perlaksanaan Tindakan Pengawalan.

Kaedah tindakan pengawalan dimana kontraktor perlu sedia atau jalankan bagi memenuhi kehendak alam sekitar mestilah memenuhi syarat-syarat berikut:-

- Pembuangan Sisa –sisa binaan

Kontraktor hendaklah menyediakan kaedah pembuangan dan penguasaan pembuangan ke tapak pelupusan untuk meminimakan kesan alam sekitar seperti hakisan dan mendapan tanah di tapak. Lokasi tapak pembuangan perlu ditentukan dan mendapat kelulusan dari Pegawai Penguasa.

- Hakisan Tanah Serta Pelan Pengawalan Mendapan.

Pelan saliran merangkumi parit sementara,perangkap kelodak dan lain-lain tindakan pengawalan hakisan serta tatacara kerja yang hendak digunakan mestilah sempurna dan berkesan untuk diselenggara.

- Pengurusan Pelupusan Sisa-Sisa Cecair Dan Pepejal

Satu kaedah dan lokasi perlu disediakan untuk pelupusan sisa-sisa bahan binaan, bahan-bahan lebihan dan sebagainya.

- Pengurusan Sisa-Sisa Bahan Berjadual.

Satu kaedah yang khusus bagi pengumpulan, penyimpanan dan pelupusan sisa-sisa minyak daripada kerja-kerja penyelenggaraan kenderaan perlulah disediakan untuk semakan dan kelulusan jabatan ini.

- Penanaman Rumput.

Kaedah yang akan digunakan untuk bahagian ini serta perlaksanaan masan untuk aktiviti tanaman atau taburan benih rumput hendaklah dibuat sejurus selepas kerja-kerja tanah dan sebelum kerja-kerja lain dibuat.

- Lain-lain Tindakan Pencegahan Di Tapak.

Kontraktor hendaklah menyatakan kaedah untuk menangani lain-lain tindakan pencegahan dalam sebutarga ini termasuk isu berkaitan alan sekitar yang di berkemungkinan berlaku semasa perlaksanaan projek.

8. Kesiediaan Menghadapi Kecemasan.

Merangka prosedur pelan dan komunikasi sekiranya berlaku sesuatu kecemasan seperti tanah runtuh, kemalangan jalanraya dan sebagainya.

9. Program Pemantauan Alam Sekitar.

Objektif utama melaksanakan pemantauan alam sekitar ialah untuk mengkaji keberkesanan tindakan pengawalan dan menyediakan tindakan susulan sekiranya berlaku ketidakpatuhan ke atas alam sekitar.

10. Pemantauan Alam Sekitar.

Kontraktor hendaklah menjalankan kerja pemantauan keatas parameter-parameter yang tercatat dalam tawaran kerja jika dinyatakan atau perlu. Lokasi sample akan ditentukan oleh Pegawai Penguasa sebelum kerja-kerja dilaksanakan di tapak. Segala peralatan yang digunakan terlebih dahulu hendaklah di kaliberasikan untuk pemantauan:-

- Kualiti Udara.
Pemantauan kualiti udara yang dijalankan hendaklah mengambil kira ‘Total Suspended Particulates’ (TSP)
- Kualiti Air.
Pemantauan kualiti air di saluran keluar, kolam takungan hendaklah mengambil kira parameter berikut: pH, Suspended Solids (SS), Oil & Grease, Dissolved Oxygen (DO), Biological Oxygen Demand (BOD), Coliform Organismi, Chemical Oxygen Demand (COD), Total Phosphate, Total Nitrogen, Ammoniacal Nitrogen, Kuprum dan Total Chlorine, jika perlu.
- Kebisingan.
Tahap kebisingan perlulah dijalankan oleh pegawai yang berkelayakan di lokasi yang sensitive yang ditetapkan seperti kawasan kediaman dan sebagainya. Pengukuran tahap kebisingan hendaklah diambil di lokasi terhampir penempatan penduduk dengan kawasan projek.

11. Pengawalan Habuk Dan Lumpur.

- Lori Siraman Air
Setiap kerja-kerja penambunan dan korekan tanah serta robohan bangunan perlulah menyediakan siraman/ pancutan air bagi mengawal pencemaran habuk dan lumpur di tapak projek.

12. Pengawalan Minyak Dan Gris.

- Tangki Perangkap Minyak Dan Gris.
Kontraktor /pembekal hendaklah menyediakan tangki perangkap minyak dan gris ditempat-tempat yang akan ditentukan oleh Pegawai Penguasa.